

5



Pengurniaan Agihan Daging Korban Sempena 'Aidiladha

8



Penyampaian Sumbangan Kepada Bakal Jemaah Haji KHEU



## BERITA UTAMA

## BERKENAN BERANGKAT MENUNAIKAN SEMBAHYANG SUNAT HARI RAYA 'AIDILADHA»3

# مسلمین

## MUSLIMIN

*Surat Berita Hal Ehwal Ugama*



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Terbitan : Pusat Da'wah Islamiyah

# JUN

# 2023M

Zulkaedah - Zulhijjah 1444H  
Tahun 35 • Bil 6

16

## INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara Tahun 2023



- |    |   |       |  |    |
|----|---|-------|--|----|
| 16 | Merukyah Hilal Zulhijjah 1444 Hijrah  | 7     | Tarbiyah Bersama Muallaf                                     | 14 |
|    | Majlis Resepsi Makan Malam ICIU   | 9     | Skim Bimbingan Lanjutan I Muallaf Siri Ke-108 (Perempuan)    | 15 |
|    | Penerbangan Bakal Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam                                    | 10-11 | Perasmian Akademi Da'wah 4.0                                 | 19 |
|    | Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Skim Bimbingan Lanjutan I Bagi Muallaf Siri Ke - 107 | 12    | Ekspo Antarabangsa Produk Dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban | 20 |
|    | Gotong-Royong Bantu Muallaf   | 13    |  |    |



[www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn)




[pdi@mora.gov.bn](mailto:pdi@mora.gov.bn)



2383996 smb: 241/242



2384008/2381293



Doa Rabbana Dalam Al-Qur'an

## Anggota Redaksi



**PENASIHAT:** Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriyati binti Haji Ahmed, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran] • **PENYELARAS:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Qairunnisa binti Haji Jalil • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • Hazey Suzainah binti Shaya • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •



## KEUTAMAAN BULAN ZULHIJJAH

Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan (qamariah) dalam kitab (ketetapan) Allah ketika Dia menciptakan langit dan bumi, antaranya empat bulan yang dihormati.

(Bulan-bulan yang dihormati ialah Muharram, Rejab, Zulkaedah dan Zulhijjah)

Surah at-Taubah: 36

Bulan Zulhijjah adalah antara bulan yang teristimewa dan teragung di sisi Allah Subhanahu wa Ta'ala. Ia merupakan salah satu daripada empat bulan yang dihormati dalam Islam. Kemuliaan dan kehormatan bulan Zulhijjah ini dapat dilihat dengan pensyariatan ibadah haji dan ibadah korban dan di dalamnya juga kita meraikan hari raya 'Aidiladha'.

Bulan Zulhijjah adalah bulan ke-12 dalam taqwim hijrah. Awal sepuluh hari bulan Zulhijjah mengandungi beberapa peristiwa yang penting. Pada waktu-waktu itu kita digalakkan berpuasa dan membuat beberapa amal ibadat. Rebutlah peluang melaksanakan ibadat yang disyariatkan Islam, begitulah kebesaran Allah Subhanahu wa Ta'ala yang membuka peluang kepada semua hamba-Nya melakukan ibadat. Memang banyak keutamaan dan kelebihan orang yang memuliakan sepuluh hari permulaan Zulhijjah dengan melakukan amal-amal salih. Ada orang dikurniakan rezeki menunaikan haji di Makkah. Ada pula dikurniakan rezeki menyembelih binatang sebagai menyahut seruan melakukan ibadat korban. Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Ibnu 'Umar RadhiAllahu 'anhuma bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

Tiada hari yang lebih besar di sisi Allah Subhanahu wa Ta'ala dan lebih disukai untuk orang beramal di dalamnya melebihi dari sepuluh (1 hingga 10) Zulhijjah, kerana itu perbanyaklah olehmu bertahlil, takbir dan tahmid.

### DOA AGAR SELAMAT DARIPADA FITNAH DAN BERTAWAKAL KEPADA ALLAH

ربَّنَا عَلَيْكَ تُوكِلُنَا وَإِلَيْكَ أَنْبَنَا وَإِلَيْكَ الْمُصِيرُ ...

#### MAFHUMNYA:

...Ya Tuhan kami! Kepada Engkau kami bertawakal dan kepada Engkau kami bertaubat, serta kepada Engkau tempat kembali.

Surah al-Mumtahanah, ayat 4

## BERKENAN BERANGKAT MENUNAIKAN SEMBAYANG SUNAT HARI RAYA 'AIDILADHA

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan beserta kerabat diraja berkenan berangkat menunaikan Sembayang sunat 'Aidiladha bersama para jemaah di Jame' Asr Hassanal Bolkiah.

**KIARONG, Khamis, 10 Zulhijjah bersamaan 29 Jun** - Pujian takbir, tasbih dan tahnid bergema lagi di bumi Darussalam ini sebagai tanda syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala atas kurniaan-Nya, kita menyambut Hari Raya 'Aidiladha 1444 Hijrah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai bersama para jemaah di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong bagi menunaikan Sembayang Sunat Hari Raya 'Aidiladha 1444 Hijrah.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai bersama para jemaah di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong bagi menunaikan Sembayang Sunat Hari Raya 'Aidiladha 1444 Hijrah.





**KHUTBAH Sunat Hari Raya 'Aidiladha yang dibacakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.**

Paduka Seri Setia Ustaz ms. 3 Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1444H; Yang Berhormat Pehin Dato Laila Raja Mejar General (R) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmadaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sembahyang Sunat Hari Raya 'Aidiladha berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Awang Besar.

Diikuti dengan Khutbah Sunat Hari Raya 'Aidiladha yang dibacakan oleh Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama. ■



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan berkenan menyempurnakan penyembelihan seekor kambing.**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota juga berkenan menyempurnakan penyembelihan seekor kambing.**



**PENYEMBELIHAN juga disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.**

## PENGURNIAAN AGIHAN DAGING KORBAN SEMPENA 'AIDILADHA

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 Zulhijjah bersamaan**

**29 Jun** - Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda dan Majlis Sambutan Hari Raya 'Aidiladha di Istana Nurul Iman Bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi terus diraikan di Istana Nurul Iman.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menyampaikan daging korban sunat kepada para penerima.**

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta Kerabat Baginda Sempena Hari Raya 'Aidiladha Tahun 1444 Hijrah/ 2023 Masihi; Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang ms.6



**PARA jemputan dan di antara penerima daging korban sunat pada Majlis Ibadah Korban Sunat dan Majlis Sambutan Hari Raya 'Aidiladha di Istana Nurul Iman.**





**DOA Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.**

Badaruddin bin Pengarah ms. 5 Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1444H; Yang Berhormat Pehin Dato Laila Raja Mejar General (R) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli

Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja.

Sebelum majlis dimulakan, selawat diperdengarkan beramai-ramai antaranya, terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan daripada Jabatan Hal Ehwal Masjid, Jabatan Pengajian Islam, penuntut-penuntut Institut Tahfiz Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Seterusnya bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an dipersembahkan oleh Yang Mulia Pengiran Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki, Naib Johan Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Kali Ke 59 Tahun 1438H/2017M di Kuala Lumpur, Malaysia. Sementara Tadabbur Ayat disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' Asr Hassanal Bolkiah.

Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun ini, sebanyak 184 ekor sapi, dan 14 ekor kambing dikorbankan, sebahagian daging ibadah korban sunat tersebut diagihkan kepada sejumlah 17,248 orang asnaf fakir dan miskin beserta tanggungan di seluruh negara ■

## MERUKYAH HILAL ZULHIJJAH 1444 HIJRAH

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil

### BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Zulkaedah bersamaan

18 Jun - Lima lokasi bagi merukyah hilal Zulhijjah 1444 Hijrah, iaitu Tanjung Batu, Pekan Muara; Bangunan DST; Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara; Bukit Lumut, Daerah Belait dan Bukit Ambog, Daerah Tutong tidak berhasil dilihat.

Semua lokasi cerapan berkenaan dengan jangka masa hilal di atas ufuk kira-kira sembilan minit berkenaan tidak menepati kriteria Imkanur Rukyah MABIMS, iaitu tinggi hilal kurang dari tiga 'degree' dan jarak lengkung kurang dari 6.4 'degree'.



**PERSIDANGAN mengenai hasil merukyah anak bulan.**

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

bin Haji Osman dan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan; dan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Majlis keagamaan disemarakkan lagi dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh Awang Abdul Hakim bin Amir yang merupakan pelajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja bagi Daerah Brunei Muara.

Selepas menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah, persidangan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama bagi menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam dengan itu memaklumkan bahawa ketetapan 1 Zulhijjah 1444 Hijrah bagi Negara Brunei Darussalam jatuh pada Selasa, 20 Jun 2023 Masihi, manakala Hari Raya 'Aidiladha 1444 Hijrah jatuh pada Khamis, 10 Zulhijjah 1444 Hijrah bersamaan 29 Jun 2023 Masihi.

Persidangan juga dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal

Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @Maidin; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi

Hasil merukyah awal bulan Zulhijjah 1444 Hijrah diumumkan secara langsung melalui Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

Umat Islam adalah disunatkan untuk menunaikan Sembahyang Hari Raya 'Aidiladha pada hari berkenaan serta bertakbir dan melakukan ibadah korban sehingga hari-hari Tasyriq berikutnya sehingga 13 Zulhijjah. ■

## PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA BAKAL JEMAAH HAJI KHEU

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



**TETAMU kehormat majlis menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada para penerima.**

### BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Zulkaedah bersamaan

1 Jun - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Doa Selamat dan Penyampaian Derma kepada seramai 49 orang bakal jemaah haji yang terdiri dari kalangan warga jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis yang diadakan di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan KHEU, dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat majlis yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada para penerima.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Pengiran Hafizul Hanif bin Pengiran Haji Md. Hatta dari Bahagian Pengurusan Ugama, diikuti dengan majlis penyampaian derma oleh tetamu kehormat majlis. Bagi memberkati majlis, Doa Peliharakan Sultan dibacakan oleh

Awang Haji Khalid bin Haji Timbul dari Jabatan Majlis Ugama Islam.

Majlis tersebut diadakan sebagai tanda kesyukuran dan bagi memohon ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala agar bakal-bakal jemaah haji warga KHEU khasnya serta bakal-bakal jemaah haji di seluruh negara, sentiasa selamat sejahtera dalam perlindungan Allah Subhanahu wa Ta'ala, di samping dapat menjalani ibadah haji pada tahun ini dengan sempurna. ■



**TURUT hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.**

## MAJLIS RESEPSI MAKAN MALAM ICIU

Oleh : Dahlan Chuchu



**TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan menyampaikan hadiah dan sijil poster dan kertas terbaik kepada peserta ICIU 2023.**

### BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Zulhijjah bersamaan 27 Jun

- Para ucaptama serta jemputan luar bagi Persidangan Antarabangsa Universiti-Universiti Islam (ICIU) 2023 diraikan dalam Majlis Resepsi Makan Malam yang diadakan di Tarindak D'Seni.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan yang juga menyampaikan hadiah dan sijil poster dan kertas terbaik kepada peserta ICIU 2023.

Tiga pemenang utama bagi poster terbaik ialah Dayang Nurbazilah Sakynah binti Tahir dengan tajuk posternya, 'Peranan Neurosains Dalam Peningkatan Teknik Hafazan al-Qur'an manakala Awang Irwan bin Ibrahim dengan hasil poster bertajuk 'Face Recognition System Incorporating Mood Variation And Deep Learning Process To Sustain Positive Learning Environment.'

Pemenang seterusnya yang membawakan poster bertajuk, 'Aplikasi Robotik Dalam Pengajaran Teknologi

Drone Untuk Industri Tempatan Di Negara Brunei Darussalam' rekaan daripada Ampuan Mohamad Zaki bin Ampuan Ahmad.

Seterusnya, majlis tersebut juga meraikan dan menyampaikan hadiah kepada tiga kertas kerja terbaik yang dimenangi oleh Nurul Ain binti Mohd. Rosli, Norazilawati binti Md. Dahlal, Hamazah bin Mohd. Salleh dan Anis Naja binti Ahmad dari International Islamic University Malaysia (IIUM)

yang bertajuk 'The Impact Of Islamic Value-Based Productivity In Islamic Higher Educational Institution.'

Manakala kertas kerja seterusnya yang mendapat hadiah dibuat oleh Fathiddin Mhd Beyanouni dan Haifa Abdul Aziz Al-Ashrafi dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan seterusnya yang juga memenangi bagi kategori itu, Erma Fatmawati dan Shoni Rahmatullah Amrozi dari Universitas Islam Negeri Kiai Haji Achmad Siddiq Jember, Jawa Timur, Indonesia dengan kertas kerja yang bertajuk 'Model Integration of Islamic Boarding Schools And Universities (Student Typology And Curriculum Study of Student Boarding Schools).'

Adapun persidangan ini diadakan adalah untuk mengongsikan pengalaman dan amalan terbaik Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI) dalam memperkasakan lagi pendidikan tinggi Islam sesuai dengan keperluan Pendidikan abad Ke-21.

Selain itu, ia juga akan membincangkan isu-isu penting dan cabaran dalam mengekalkan keperluan kurikulum pengajian Islam dalam menghadapi perubahan global serta mencadangkan jalan penyelesaiannya. Persidangan ini juga diharap akan mempererat lagi jaringan kerjasama dengan IPTI secara global bagi tujuan kerjasama dalam melestarikan pendidikan Islam. Tema bagi pesidangan ini ialah 'Lanskap Pendidikan Tinggi Islam Abad 21 : Strategi dan Hala Tuju'.

Turut hadir pada Majlis Makan Malam tersebut, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal yang juga selaku Pengurus Jawatankuasa Pandu ICIU 2023, Pengurus ICIU 2023, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad, Ahli-ahli Majlis UNISSA, Pegawai-pegawai Utama UNISSA dan para peserta persidangan. ■

## PENERBANGAN BAKAL JEMAAH HAJI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



**MENTERI Hal Ehwal Ugama dan Menteri Kesihatan serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir bagi mengucapkan selamat belyar kepada semua bakal jemaah haji.**

### BERAKAS, Ahad, 15 Zulkaedah bersamaan 4 Jun

- Penerbangan pertama bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam telah bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan pesawat Royal Brunei Airlines BI4201. Penerbangan dijangka tiba di Madinah pada jam 1:40 tengahari waktu tempatan.

Penerbangan membawa sejumlah 251 orang bakal jemaah haji termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Pentadbiran dan Perubatan); Pegawai Syarikat Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB), Pegawai Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd., Pegawai Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd., Pegawai Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat Titian Travel & Tours Sdn. Bhd.

Pada penerbangan pertama ini, seramai 46 orang bakal jemaah haji, mengikuti Syarikat Darussalam Service Sdn. Bhd. Manakala bakal jemaah haji yang mengikuti Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. adalah seramai 71 orang, Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd. membawa 53 orang bakal

jemaah haji iaitu, At-Taqwa Travel & Tours Sdn. Bhd. membawa seramai 37 orang bakal jemaah haji, dan seramai 40 orang bakal jemaah haji menyertai Titian Travel & Tours Sdn. Bhd.

Turut mengiringi bakal jemaah haji bagi penerbangan pertama tersebut ialah seorang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Pentadbiran) dan tiga orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan).

Hadir bagi mengucapkan selamat belyar di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi kesemua penerbangan ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin

bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Pemangku Menteri Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Juga hadir, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Yang Mulia Awang Ajman bin Haji Meludin, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri; Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz



**TURUT hadir juga isteri-isteri menteri.**

Al-Muhanna, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi Ke Negara Brunei Darussalam; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin, Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan; Yang Mulia Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, dan Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji, Pengarah-pengarah serta Penolong-penolong Pengarah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat. Manakala azan dilaungkan oleh Yang Mulia Begawan Mudim Haji Amran bin Haji Md. Salleh untuk kesemua penerbangan.

Manakala penerbangan kedua pula pada 16 Zulkaedah bersamaan 5 Jun telah bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan pesawat Royal Brunei Airlines BI4203. Penerbangan dijangka tiba di Madinah pada jam 1:40 petang waktu tempatan.

Penerbangan membawa sejumlah 254 orang bakal jemaah haji termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan); Pegawai Syarikat Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB) dan Pegawai Syarikat



**ANTARA para bakal jemah haji Brunei Darussalam.**

At-Taqwa Travel & Tours Sdn. Bhd.

Bagi penerbangan kedua ini, seramai 208 orang bakal jemaah haji, mengikuti Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. Manakala At-Taqwa Travel & Tours Sdn. Bhd. membawa seramai 43 orang bakal jemaah haji.

Turut mengiringi bakal jemaah haji bagi penerbangan kedua tersebut ialah tiga Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan).

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Mulia Awang Haji Zulkifli bin Haji Murat, Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas.

Penerbangan ketiga pula bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam pada 17 Zulkaedah bersamaan 6 Jun dengan menggunakan pesawat Royal Brunei Airlines BI4205. Penerbangan dijangka tiba di Madinah pada jam 1:40 petang waktu tempatan. Penerbangan membawa seramai 254



orang bakal jemaah haji termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan) dan Pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn.Bhd. (DSSB).

Pada penerbangan ketiga ini, seramai 251 orang bakal jemaah haji, mengikuti Syarikat Darussalam Services Sdn.Bhd.

Turut mengiringi bakal jemaah haji bagi penerbangan ketiga tersebut ialah tiga orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan).

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Mulia Awang Haji Haris bin Haji Suboh, Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas.

Penerbangan keempat dan yang terakhir bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam pada 18 Zulkaedah bersamaan 7 Jun dengan menaiki pesawat Royal Brunei Airlines BI4207. Penerbangan dijangka tiba di Madinah pada jam 1:40 petang waktu tempatan.

Penerbangan membawa seramai 254 orang bakal jemaah haji termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan) dan Pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd (DSSB). Turut mengiringi bakal jemaah haji bagi penerbangan keempat tersebut ialah tiga orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan). ■

## MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN SIJIL SKIM BIMBINGAN LANJUTAN I BAGI MUALLAF SIRI KE – 107

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



PENYAMPAIAN sijil kepada peserta daerah Brunei dan Muara oleh Yang Mulia Ustazah Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub, Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf.

### PULAI, Khamis, 19 Zulkaedah bersamaan 8 Jun

Seramai 61 orang peserta Skim Bimbingan Lanjutan I bagi Muallaf Siri Ke-107 (Lelaki) menerima sijil masing-masing di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Skim Bimbingan Lanjutan I bagi Muallaf Siri Ke-107 (Lelaki) yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah. Majlis diungkayahkan oleh Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dan Unit Da'wah di setiap daerah. Skim tersebut telah dikendalikan selama 14 hari bermula dari 23 Mei. Para penerima sijil terdiri daripada 19 orang peserta dari Daerah Brunei dan Muara, 12 orang dari Daerah Belait, 18 orang dari Daerah Tutong, dan 13 orang dari Daerah Temburong.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, majlis bertempat di Bilik Mau'izhah Pusat Da'wah Islamiah. Hadir dan berkesudian untuk menyempurnakan sijil penyertaan kepada para peserta

ialah Yang Mulia Ustazah Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub, Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah.

Sementara di Daerah Belait, majlis diadakan di Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait. Hadir sama dan juga menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta, Yang Mulia Awang Akup bin Haji Lamat, Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait.

Majlis yang sama juga dikendalikan di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong. Berkesudian untuk menyempurnakan sijil penyertaan kepada para peserta ialah Yang Mulia Ustaz Muhammad Yusri bin Haji Abd Majid, Pegawai Perkembangan Ugama, Unit Da'wah Daerah Tutong.

Manakala di Daerah Temburong pula majlis diadakan di Pejabat Unit Da'wah Daerah Temburong. Hadir bagi menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta ialah Yang Mulia Ustaz

Haji Hazimin bin Haji Metali, Ketua Unit Da'wah Daerah Temburong.

Antara objektif Skim Bimbingan Lanjutan I bagi Muallaf Siri Ke-107(Lelaki) diadakan adalah untuk memberikan sokongan dari sudut moral, spiritual dan psikologi kepada peserta-peserta muallaf. Di samping itu, untuk membantu para peserta supaya lebih memahami ajaran agama Islam serta memberi panduan untuk mereka menghayati ajaran agama Islam dalam kehidupan sehari-hari dan memperlihatkan ajaran agama Islam yang indah.

Sepanjang mengikuti Skim Bimbingan Lanjutan I tersebut, para peserta telah mempelajari ilmu asas Fardhu 'Ain dan Fardhu Kifayah, antaranya Iqra', Hafalan, Tauhid, Fiqh Shalah (Sembahyang Sembahyang Sunat, Sembahyang Musafir dan Sembahyang Pesakit), Fiqh Munakahat (Perkahwinan), Sejarah Islam, Tasawwuf, Amali Agama dan Praktikal Pengurusan Jenazah. ■

## GOTONG-ROYONG BANTU MUALLAF

Oleh : Azizah Hidup

**BELAIT, Selasa, 24 Zulkaedah bersamaan 13 Jun** – Dalam usaha membantu 15 saudara baharu yang menetap di Rumah Panjang Melayan di kawasan pedalaman Daerah Belait, Mukim Bukit Sawat, Pejabat Unit Da'wah Belait dengan kerjasama Bahagian Pengembangan Da'wah telah menganjurkan Majlis Bergotong-royong dan Bimbingan Bergerak.

Hadir selaku ketua rombongan ialah Pemangku Ketua Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Ruslan bin Haji Sulaiman.

Turut hadir ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Penghulu Mukim Bukit Sawat, Yang Berhormat Haji Mohd Salleh bin Haji Othman; Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama Belait, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail; Pemangku Ketua Bahagian Pengembangan Dakwah, Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidup dan Pemangku Ketua Unit Da'wah Belait, Dayang Nurhuwaina binti Mamud serta pegawai dan kakitangan PDI dan Pejabat Unit Da'wah Belait.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan doa dipimpin oleh



PENGISIAN semasa majlis gotong royong bersama muallaf iaitu sesi kuiz dan gotong royong.

pelajar Latihan Industri dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Muhammad Nizam Hazwan bin Muhammad Saidi Nazmi.

Dalam ucapan alu-aluan, Awang Ruslan berkata muallaf yang menetap di kawasan pedalaman Belait tidak mempunyai banyak peluang untuk memperoleh pengetahuan baharu dalam agama Islam.

"Sementara Kursus Bimbingan Asas dan Lanjutan sering diadakan di PDI



di seluruh negara, muallaf yang tinggal di kawasan pedalaman seperti Rumah Panjang Melayan mungkin tidak mempunyai masa untuk mengunjungi pusat berkanaan.

"Bimbingan bergerak ini memberikan peluang untuk menjalin hubungan lebih erat antara muallaf dan Unit Da'wah dan Bahagian Pengembangan Da'wah.

Beliau berharap kempen seumpama ini akan diteruskan pada masa depan, sementara menggesa muallaf supaya terus mempelajari untuk menambah lagi pengetahuan tentang ajaran Islam. Acara kemudian diteruskan dengan aktiviti gotong-royong di dalam rumah panjang. Aktiviti lain termasuk sesi kuiz dipimpin pelajar-pelajar Latihan Industri UNISSA dan berakhir dengan penyerahan sumbangan berupa beras yang disampaikan oleh ketua rombongan.

Di samping aktiviti gotong-royong, penghuni Rumah Panjang Melayan juga diberi bimbingan Islam oleh tenaga pengajar dari Pejabat Unit Da'wah Belait. ■

## TARBIYAH BERSAMA MUALLAF

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



**TETAMU Kehormat Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.**

**PULAI, Jumaat, 27 Zulkaedah bersamaan 16 Jun** - Ibadat Korban adalah sebagai memperingati kisah Nabi Ibrahim 'Alaihissalam dengan puteranya Nabi Ismail 'Alaihissalam yang taatkan perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala, sehubungan itu para muallaf didekahkan akan kisah pengorbanan ini melalui ibadat korban itu sendiri. Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) mengadakan Program Tarbiyah Bersama Muallaf: Kelebihan Ibadah Korban 1444H/2023M dan seterusnya memberikan bimbingan untuk meningkatkan kefahaman berhubung amalan-amalan sunat untuk melakukan ibadat korban

Majlis tersebut diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah dan hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, selaku Ketua Kampong Subok.

Program Tarbiyah Bersama Muallaf dimulakan dengan bacaan Sayyidul

Istighfar dan surah al-Fatiha dipimpin oleh Yang Mulia Awang Mohammed Najib Asyraf bin Husin, Tenaga Pengajar Kelas Bimbingan Muallaf. Diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengurus Majlis, Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.



**SESI ceramah mengenai ibadat korban.**

Majlis diteruskan dengan sesi ceramah yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Mohammad Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud, Tenaga Pengajar Kelas Bimbingan Kelas Muallaf, Diae Bertauliah MUIB.

Majlis tersebut juga diadakan secara hybrid, secara bersemuka dan atas talian iaitu melalui platform media sosial Facebook. ■

## SKIM BIMBINGAN LANJUTAN I MUALLAF SIRI KE-108 (PEREMPUAN)

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



**PESERTA yang mengikuti kursus Skim Bimbingan Lanjutan I bagi Muallaf Siri Ke-108.**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Zulhijjah bersamaan 26 Jun** -

Putus Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) mengadakan Skim Bimbingan Lanjutan I bagi Muallaf Siri Ke-108 (Perempuan) selama 14 hari bermula 13 hingga 28 Jun kecuali Ahad.

Skim Bimbingan Lanjutan I bagi Muallaf Siri Ke-108 (Perempuan) ini diadakan di keempat-empat daerah secara serentak iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, seramai 18 orang, manakala Daerah Belait, penyertaan seramai 17 orang dan Daerah Temburong pula, skim tersebut disertai seramai 18 orang.

Pengisian Skim Bimbingan Lanjutan I antaranya Iqra', Tauhid, Fiqh Solat (Sembahyang-Sembahyang Sunat, Sembahyang Musafir dan



**SKIM tersebut diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.**

daerah yang lain diadakan di Pejabat Unit Da'wah Daerah-Daerah.

Penyertaan dianggarkan seramai 78 orang perempuan iaitu seramai 25 orang dari Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, seramai 18 orang, manakala Daerah Belait, penyertaan seramai 17 orang dan Daerah Temburong pula, skim tersebut disertai seramai 18 orang.

Pengisian Skim Bimbingan Lanjutan I antaranya Iqra', Tauhid, Fiqh Solat (Sembahyang-Sembahyang Sunat, Sembahyang Musafir dan

Sembahyang Pesakit), Fiqh Munakahat (Perkahwinan), Sejarah Islam, Tasawuf, Amali Agama dan Sesi Kongsi Sama dari Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga.

Objektif skim tersebut termasuklah untuk memberikan sokongan dari sudut moral, spiritual dan psikologi kepada peserta muallaf, membantu para peserta untuk lebih memahami ajaran agama Islam, serta memberi panduan menghayati ajaran agama Islam dalam kehidupan sehari-hari dan memperlihatkan ajaran agama Islam yang indah.

Skim yang dijalankan mengutamakan kualiti pembelajaran dan penyebaran syaksiah yang baik. Manakala pendekatan yang dibawa adalah interaktif dan fleksibel mengikut tajuk-tajuk yang disampaikan dan dibincangkan bersama peserta muallaf. ■



## Majlis Pengislaman JUN 2023



## STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Umgama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2023




يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوْفِي الْسِّلْمَ كَافَةً وَلَا تَتَّبِعُوْخُطُوْنَ الشَّيْطَنَ  
إِنَّمَا لَكُمْ عَذَوْمُبِينَ

### Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu semua ke dalam Islam secara keseluruhan (dengan mematuhi segala hukum-hukumnya) dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu bagi kamu ialah musuh yang nyata.

*Surah al-Baqarah ayat 208*

## Features



Sharifah Khadijah  
Hussein Alkaff

### WAHM (Work At Home Mums)

WAHM is fast becoming a phenomena that is gaining popularity in the west. Here in the east, it is not something altogether new. Many of us, I'm sure had a childhood where either our mothers, aunts or grandmothers had made Malay kuihs and cucurs for sale. Some of us may even have been involved in the direct selling of these homemade goodies – carrying baskets of cakes down the streets of our kampong. If you google the word 'WAHM' you will be inundated with more than 3,000,000 hits offering information, invitations and business opportunities!

### WHAT'S AT RISK WHEN A MUSLIMAH WORKS

Next, let's look at some of the things that are at risk when a Muslim wife and mother goes out to work. For a start, serious thought and consideration should be given to the five daily prayers. For various reasons – some as

insignificant as *not wanting to wash off their make-up* to more serious ones, such as the workplace not allowing employees to pray, many working Muslimahs neglect their prayers, preferring instead to qadha or make-up the missed prayers at the end of the day, in the comfort of their homes, as candidly reported by one working Muslimah:

*"I found it difficult to pray at work so I began to make up my prayers when I returned home. However, over time, the deferred prayers, usually the Zuhur and 'Asr prayers, turned into an accumulation of missed prayers. If I had to run errands after leaving work, the Maghrib prayer was added to the list of prayers missed."*

A hadits Imam al-Bukhari narrated that al-Qalid bin al-Aizar reported, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam was asked which deed is best, he said: *"Performing the Prayer at its due time."*

Yet how many of us have found ourselves in the same position as the sister in the above quote? A closer look at the importance of prayers is therefore necessary.

### THE PRAYERS

إِنَّمَا لَهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَاعْبُدُهُ وَأَقِمُ الصَّلَاةَ لِذَكْرِي

*"Surely I am Allah, there is no god but I, therefore serve Me, and observe prayer for My Remembrance."*

**Surah Thaha:14**

After the profession of faith (the shahadatain), salah (prayer) is the next most important 'ibadah badaniyyah' or physical form of worship for it is through prayers that a person can communicate directly with Allah Subhanahu wa Ta'ala.

وَاسْتَعِنُوا بِالصَّابِرِ وَالصَّلَاةِ فَلَهَا لَكِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَنِثِينَ

*"And seek the help (of Allah) with patience and prayer; and that indeed it a hard thing. except for the humble ones;"*

**Surah al-Baqarah: 45**

Prayer or salah is the pillar of religion, the main support of conviction (yaqin), the chief (penghulu) of good works and the best act of obedience. It is the first thing that we will be questioned about at yaumul qiyamah and it is not to be missed by the sane and able-bodied Muslim – for whatever reason. Even when we are ill, for as long as we are conscious, we are to perform the prayer – standing up, sitting down or even lying flat on the bed. Nothing is worth missing our prayers for, not even a good paying job. In fact we cannot even do a good job full of Barakah without Allah's Subhanahu wa Ta'ala help so how can we not pray to Him? This was the question that was troubling a young Muslimah in the following anecdote...

# Bulan Zulhijjah & Hari Penting



**1-8** Puasa Sunat  
Zulhijjah

**9** Puasa Sunat 'Arafah  
Zulhijjah

**10** Hari Raya 'Aidiladha  
Zulhijjah

**11-13** Hari Tasyriq  
(Haram berpuasa)  
Zulhijjah



Rabbani

رباني

Yang salih, arif,  
taat kepada Allah

Rahum

رحوم

Yang sangat penyayang

Radhi

راضي

Yang Redha/rela

**NAMA-NAMA ISLAMI**  
untuk anak damit

Hadits diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dalam kitab sunannya daripada Abu Wahab al-Jusyami, Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Hendaklah kamu bernama dengan nama-nama para nabi."



Rahimah

رحمة

Rahimah

Raihani

ريحانة

Keharumanku

Rasyiqah

رشيقة

Yang Cantik



## 'RAHSIA TERTINGGI' KETUHANAN DALAM HIKMAH

“ Memang, apa saja perintah, semuanya itu tidak lepas dari risiko. Perintah sembahyang, risikonya sangat membebankan, kerana ia dilakukan sebanyak lima kali sehari semalam. Perintah berpuasa, risikonya mencabar kesabaran. Perintah berzakat, risikonya menjelaskan harta, dan perintah menunaikan haji, risikonya pelbagai kesukaran. ”

Pendeknya, semua perintah adalah tidak sunyi dari risiko. Namun di sebalik risiko itu, terdapat 'hikmah ketuhanan', berupa ganjaran baik, untuk diterima kemudian hari. ”

## | Program Keugamaan Belia |

### PERASMIAN AKADEMI DA'WAH 4.0

**Pulaie, Sabtu, 21 Zulkaedah bersamaan 10 Jun** - Majlis Perasmian Akademi Da'wah 4.0 bertemakan Da'ie Berimpak, Membangun Masyarakat (*Impact Driven Da'ie Reviving Our Society*) bagi tahun 1444H bersamaan 2023M diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah. Majlis diungkayahkan oleh Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan kerjasama Urusetia Program Keugamaan Belia (PKB) Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Seramai 44 orang peserta terdiri daripada 22 orang muslimin dan 22 orang muslimah di kalangan belia dari pelbagai bidang pengajian dan professional menyertai Akademi Da'wah 4.0. Program tersebut dikendalikan sebanyak lima sesi iaitu diadakan dua kali dalam sebulan pada setiap hari Sabtu dan Ahad. Ianya telahpun bermula pada 3 Jun dan akan berakhir pada 23 Jun.

Program Akademi Da'wah ini antara lain bertujuan untuk menggilap bakat para da'ie yang dikenalpasti mempunyai potensi besar untuk menjadi pelapis da'ie. Di samping itu, untuk berkongsi pengetahuan mengenai kepentingan berda'wah dengan kaedah yang betul selain sebagai didikan dan tarbiyyah bagi para peserta.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh Yang Mulia Awang Syarif Abbas bin Awang Haji Mohd. Zaini, Ahli Badan Sukarelawan Belia Da'ie. Diikuti dengan bacaan ayat suci al-Qur'an dan Ibrah oleh Yang Mulia Awang Muhammad Azib bin Muhammad Azim dan Yang Mulia Awang Muhammad Abdul Qawi @ Muhammad Syazwan bin Shamrin, keduanya peserta Program Akademi Da'wah 4.0. Majlis kemudiannya memperdengarkan bacaan Ikrar oleh para peserta Program Akademi Da'wah 4.0.



BACAAN Ikrar oleh para peserta Program Akademi Da'wah 4.0.

## EKSPO ANTARABANGSA PRODUK DAN PERKHIDMATAN HALALAN THAYYIBAN

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



MAJLIS perasmian oleh tetamu kehormat Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

**BANDAR SERI BEGAWAN,  
Isnin, 16 Zulkaedah  
bersamaan 5 Jun** - Ekspo Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban merupakan inisiatif Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dalam usaha mendukung pertumbuhan ekonomi tempatan khususnya dalam industri halal.

Pelancaran ekspo berkenaan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Adapun ekspo tersebut dibukakan secara percuma bagi kunjungan orang ramai selama tiga hari iaitu dari 5 hingga 7 Jun 2023, mulai jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam bertempat di Ruang Legar, BKISHHB, Jalan Pengiran Babu Raja.

Pengunjung ekspo dan pameran juga berpeluang untuk meningkatkan pengetahuan tentang isu-isu kontemporari halal, mengetahui peranan agensi-agensi kerajaan dan berautoriti dalam pensijilan halal serta berinteraksi dengan badan-badan pensijilan halal dari negara-negara serantau dan antarabangsa.

Selain itu, ekspo ini juga menampilkan peniaga-peniaga produk yang mempunyai Sijil Halal dan Permit Halal serta syarikat-syarikat Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment - FDI) yang terlibat secara langsung dengan industri halal.

Dianjurkan bersama oleh KHEU dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), ekspo ini diadakan bagi mendukung Seminar Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban Ke-6 (SAPPAT VI) bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2023 (Brunei Mid-Year Conference

and Exhibition - MYCE 2023) kelolaan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Ekspo Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), D'Sunlit Sdn. Bhd., Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd., Ghanim International Corporation Sdn. Bhd., Marimin Sdn. Bhd. serta T.L.T Enterprise. ■



TETAMU kehormat menyaksikan gambar pameran di majlis berkenaan.